

BULETIN ACIS

eISSN: 2600-8289

Jamadil Akhir / Rejab 1441 — Februari 2020

BIL: 19 / 2020



Konsep Ihya' al-Mawat

**PUISI: Apabila
Manusia Kreatif
Luar Batasan**

**Mahasiswa Sebagai
Aset Penting Negara &
Penentu Halatuju Masa
Depan Ummah.**

**Bengkel Penulisan
Artikel Berindeks
Scopus Tahun 2020**

BULETIN ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mu'allim Bin Mohd Bakri
Husnul Rita Aris
Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh empat atau siri kesembilan belas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "**Konsep Ihya' al-Mawat**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Konsep Ihya' al-Mawat (3)
- ⇒ Puisi: Apabila Manusia Kreatif Luar Batasan (8)
- ⇒ Mahasiswa Sebagai Aset Penting Negara & Penentu Halatuju Masa Depan Ummah (9)
- ⇒ Bengkel Penulisan Artikel Berindeks Scopus Tahun 2020 (11)

Jika berminat untuk menghantar sebarang artikel atau komen, boleh email ke buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali

Konsep Ihya' al-Mawat

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



PENDAHULUAN

Al-Doktor Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya ‘al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu’ menerangkan permasalahan berkaitan dengan *ihya’ al-Mawat* ini di bawah Fasal *al-Milkiyyah* (Pemilikan). Dalam Fasal ini, Wahbah al-Zuhaili telah mengariskan beberapa sub topik berkaitan dengan *al-Milkiyyah* (Pemilikan) ini. Antara sub topik tersebut adalah ta’rif pemilikan, cara penerimaan sesebuah harta untuk dimiliki atau sebaliknya dan jenis-jenis pemilikkan.

Di dalam sub topik, jenis-jenis pemilikkan, beliau telah membahagikan pemilikkan kepada dua jenis. Jenis yang per-

tama adalah pemilikkan *al-Tam* ataupun yang sempurna. Pemilikan jenis ini adalah pemilikkan sepenuhnya kepada sesuatu perkara iaitu memiki zat perkara tersebut dan juga manfaatnya sekaligus. Jenis yang kedua pula adalah pemilikkan *al-Naqis* ataupun di kenali sebagai pemilikkan separuh atau sedikit.

Pemilikkan *al-Naqis* ini pula terbahagi kepada tiga jenis pemilikan :

- i) Memiliki (‘ain) sahaja, iaitu memiliki sesuatu perkara tersebut tanpa memiliki manfaatnya. Sebagai contohnya seseorang mewasiatkan tanahnya

kepada seseorang yang lain dalam tempoh yang tertentu. Lantaran itu, orang yang mewasiatkan itu hanya memiliki perkara yang diwasiatkannya itu selama dalam tempoh tersebut tapi manfaat tanah tersebut adalah milik orang yang diwasiatnya.

ii) Memiliki manfaatnya tanpa memiliki ('ain) iaitu benda tersebut. Pemilikan jenis ini terdapat 5 jenis. Jenis-jenis tersebut adalah, pinjaman, sewaan, wakaf, wasiat dan Ibahah.

iii) Memiliki manfaat ('ain) perkara tersebut ataupun memiliki *haq irtifaq*. *Haq irtifaq* bermaksud, harta yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Hak yang diberikan fiqh perundangan Islam adalah hak Bersama. Contoh pemilikan ini adalah *Haq al-Syirb* (Hak penggunaan air minuman), *Haq al-Majra* (Hak saluran air), *Haq al-Murur* (Hak lalu lintas), *Haq al-Masil* (Hak membuang air kotoran atau air lebih) dan *Haq al-Jiwar* (Hak kejiranah).



Berbalik kepada *Haq al-Tam*, sesungguhnya sebab-sebab pemilikan jenis ini seperti yang dijelaskan oleh Syariat ada empat sebab. Sebab-sebab tersebut adalah *al-Istila' 'ala al-Mubah* (pemilikan ke atas sesuatu yang harus), *al-'uqud* (akad-akad), *al-Khalfiah* (benda yang di tinggalkan oleh seseorang lain sebelum ini kepada orang yang di tinggalkan seperti pewarisan), *al-Tawlid min al-Mamluk* (lahir daripada benda yang dimiliki).

Daripada sebab-sebab pemilikkan secara *al-Tam* ini, *Ihya' al-mawat* tergolong di antara jenis-jenis *Istila' 'ala al-Mubah*. Secara ringkasnya, *Istila' 'ala al-Mubah* ini terdapat empat jenis iaitu :

- Ihya' al-mawat*
- Al-Istiyad* (pemburuan)
- Al-Istila' 'ala al-Kala'* (rumput yang tumbuh semulajadi dalam tanah yang dimakan oleh ternakan) wa *al-ajam* (pokok-pokok tebal dalam hutan atau tanah yang bukan dimiliki)
- Al-Istila' 'ala al-Ma'adan* (galian seperti emas, perak dan sebagainya) dan *al-Kunuz* (harta yang ditanam dalam bumi oleh tangan manusia).

Ta'rif Ihya' al-Mawat

Sekiranya di lihat ta'rif Ihya' al-Mawat ini daripada sudut bahasa, *Ihya'* yang berasal daripada perkataan *Hayat* memberi maksud hidup. Manakala al-Mawat pula yang berasal daripada perkataan *al-Maut* memberi maksud maut atau mati. Lantaran itu, bolehlah di simpulkan secara bahasanya bahawa Ihya' al-Mawat ini adalah sesuatu perbuatan yang menghidupkan sesuatu yang mati.

Manakala sekiranya di lihat ta'rif Ihya' al-Mawat ini banyak sekali terdapat di dalam kitab-kitab Fiqh dan juga pandangan para Fuqaha berkenaan dengannya. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya '*al_fiqh al-Islam wa Adillatuhu*' menjelaskan bahawa Ihya al-Mawat adalah memperbaiki tanah yang terbiar dan al-Mawat itu sendiri memberi maksud apa yang tidak di miliki daripada

tanah dan ia tidak di manfaatkan oleh apa sahaja. Menurut al-Sayyid al-Sabiq dalam kitabnya '*Fiqh al-Sunnah*', menjelaskan bahawa Ihya' al-Mawat memberi maksud mempersiapkan tanah yang mati yang mana tidak pernah di usahakan dan di persiapkan sebelum ini serta menjadikannya sesuai untuk di manfaatkan samada untuk di bina bangunan, bercucuk tanam dan sebagainya.

Manakala penakrifan yang di beri oleh para Fuqaha' pula boleh di ambil di dalam al-Qamus al-Fiqhi yang di susun oleh Sa'di Abi Jaib . Dalam Qamus ini para Jumhur al-Fuqaha' bersepakat memberi penakrifan bahawa Ihya' al-Mawat ini adalah berpegang seseorang kepada tanah yang sebelum ini tidak di miliki oleh sesiapa, maka di hidupkan semula tanah tersebut dengan saliran air, tanaman, kayu yang di tanam dan pembinaan. Lantas tanah tersebut akan menjadi miliknya, samada tanah



tersebut berdekatan dengan bangunan ataupun berjauhan dan samada tanah tersebut diizinkan oleh Imam ataupun tidak di izinkan. Dalam bab keizinan imam ini, Imam Abi Hanifah menjelaskan mesti mendapat keizinan dari Imam. Manakala Malik dan al-Hadawiyah pula berpendapat perlu kepada keizinan imam sekiranya berdekatan dengan bangunan.

Daripada segala takrif-takrif yang di jelaskan di atas, jelaslah menunjukkan kepada kita bahawa Ihya al-Mawat merupakan perbuatan yang menghidupkan semula tanah-tanah yang terbiar agar dapat di manfaatkan.

Dalil-dalil Ihya' al-Mawat

Dalil daripada Hadis Nabi SAW :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ((مِنْ أَحْيَا أَرْضًا مِيَتَةً فَهُوَ لَهُ , وَ لَيْسَ لِعَرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ))

Maksudnya : Sesunggunya Nabi SAW berkata : Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati maka tanah tersebut miliknya. Dan tidaklah ada haq bagi mereka yang mengambil secara zalim.

Hadis NAbi SAW lagi :

وَرَوَى سَمْرَةُ بْنُ جَنْدُبٍ : أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ((مِنْ أَحْاطَ حَائِطًا عَلَى أَرْضٍ , فَهُوَ لَهُ))

Maksudnya : Di riwayatkan oleh Samrah Bin Jundub : Sesungguhnya Nabi SAW Bersabda : Sesiapa yang mendirikan benteng di atas sesebuah tanah maka tanah tersebut adalah miliknya.

Begitu juga dengan Ijma' para Ulama' yang mengharuskan Ihya' al-Mawat dan memilikinya.

Syarat-syarat Ihya' al-Mawat

Di syaratkan untuk menetapkan sesuatu tanah tersebut adalah tanah yang al-Mawat atau mati. Hendaklah tanah tersebut berjauhan dengan sebarang bangunan, sehingga tanah tersebut tidak terlibat langsung di dalam sebarang kaitan dengan penduduk setempat. Namun begitu, semuanya terpulang kepada Urf sesuatu tempat bagi mengetahui al-Mawat sesuatu tanah itu.

InsyaAllah didalam penulisan akan datang, buletin ini akan menjelaskan pula permasalahan yang berkaitan dengan Ihya' al-Mawat.

Pemilikan

Al-Tam
Al-Naqis

Istila' ala al-Mubah

Al-Uqud

Al-Khalfiah

Al-Tawlid min al-Mamluk

Miliki 'Ain sahaja

Miliki Manfaat sahaja

Miliki Haq Irtifaq

Ihya'al-Mawat

Al-Istiyad

Al-Istila' 'ala al-Kala' wa al-Ajam

Al-Istila' 'ala al-Ma'adan

Apabila Manusia Kreatif Luar Batasan

Oleh : Husnul Rita Aris

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Allah kurniakan manusia akal yang unik
Membezakan manusia dengan haiwan
Jikalau manusia bersifat haiwan
Pastinya kebinasaan akan mendatang
'Ghost Smoke', 'Zombie Drug' 'Askar Robot Pemusnah' dan lain-lain
Perkara yang amat kreatif ciptaan manusia biasa
Tujuannya semata-mata merosakkan manusia
Mengejar keuntungan dunia sementara hingga lupa sifat kemanusiaan
Adakah itu yang dikehendaki Allah sebagai tujuan hidup di muka bumi?

Sejak azali lagi manusia di alam roh
Berjanji bersumpah di hadapan Maha Pencipta
Berjanji mengakui Allah sebagai Pencipta Maha Agong
Bersumpah untuk memakmurkan muka bumi
Menjadi hamba yang taat kepada Maha Pencipta
Menjadi khalifah beramanah memakmurkan muka bumi
Malangnya manusia menjadi perosak bumi dan makhlukNya
Sebab lemahnya iman kurangnya ilmu
Ilmu fardhu ain ditinggalkan , ilmu fardhu keduniaan diagong-agongkan tanpa batasan
Akhirnya terpisah ilmu Akhirat dan ilmu Dunia yang sepatutnya seiring jalan

Kembalilah wahai manusia
Kepada maha pencipta sebenar
Agongkan Allah di mana jua
Kreatif berlandaskan Islam berpaksikan Iman kepada Maha Pencipta Maha Hebat
Agar hidup aman sentosa
Diberkati Maha Pencipta Hebat sentiasa
Tuhan yang menciptakan Cekerawala, planet-planet, manusia, binatang, tumbuhan dan alam sekitar
KewujudanNya tiada permulaan dan tiada pengakhiran
Manusia jua yang akan kembali dihisab di alam perhitunganNya
Bertemu semula dengan Maha Agong dan Maha Hebat.

Mahasiswa Sebagai Aset Penting Negara & Penentu Halatuju Masa Depan Ummah.

Oleh : Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah
(Koordinator ACIS UiTM Kampus Rembau)



Mahasiswa yang merupakan golongan muda amat sesuai dianggap sebagai sebahagian daripada aset penting negara. Ini kerana mereka inilah yang akan meneruskan kesinambungan sesebuah pemerintahan bagi sesebuah negara. Mahasiswa yang beriman dan bertakwa akan mampu membawa negara Malaysia menjadi sebuah negara

yang dipenuhi barakah dan redha Allah. Merekalah yang akan menentukan masa depan ummah samada menjadi satu ummah yang bertakwa dan meneruskan hidup berlandaskan hudud-hudud yang telah ditetapkannya atau sebaliknya. Sesungguhnya setiap yang bernyawa akan mati maka itulah janji Allah kepada kita ummat manusia. Oleh yang demikan

menjadi suatu kemestian bagi yang masih ada untuk meneruskan perjuangan yang telah ditinggalkan.

Inilah yang dimaksudkan oleh As-Syahid Syed Qutb ketika menyatakan bahawa kita akan merasa sempit seandainya kita mengatakan bahawa perjuangan ini kitalah yang memulakan dan mengakhirkannya. Tetapi kita tidak akan merasa sempit apabila kita yakin dan percaya bahawa kita adalah penerus kepada satu-satu perjuangan. Ummah mahasiswa merupakan golongan yang akan tinggal dan ditinggalkan. Maka, oleh itu mereka lah

aset penting negara yang akan meneruskan pemerintahan dan pentadbiran negara dalam menjaga kepentingan ummah. Peranan ini tidak akan mampu mereka mainkan seandainya mereka tidak peka terhadap permasalahan negara dan rakyat seluruhnya. Keperihatinan wajar dimulakan daripada sekarang bagi memastikan mereka benar-benar ‘competent’ (layak) untuk mengambil alih tumpuk pemerintahan yang ada samada mahu atau tidak. Itulah tanggungjawab kita sebagai ummat Islam yang merupakan khalifah Allah di atas muka bumi ini.



Bengkel Penulisan Artikel Berindeks Scopus Tahun 2020

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Penulisan artikel merupakan salah satu tanggungjawab dalam kerjaya profesionalisme sebagai seorang staf akademik terutama di UiTM. Ianya juga menjadi salah satu kriteria penting dalam penilaian SKT, LNPT dan kenaikan pangkat serta peluang bagi pelajar PhD untuk bergraduat.

Oleh yang demikian, bagi memenuhi kriteria tersebut selari dengan perancangan strategik ACIS bagi tahun 2020, maka pihak ACIS mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel penulisan artikel berindeks Scopus. Ini menyahut saranan dan objektif utama UiTM ke arah menjadi

universiti bertaraf global.

Selain itu, bengkel ini juga bertujuan

- 1) Memberi pendedahan kepada pensyarah berkaitan penulisan artikel berindeks Scopus.
- 2) Memperoleh garis panduan kaedah sebenar penulisan artikel berindeks Scopus.
- 3) Mendapatkan maklumat berkaitan penulisan bermutu dan proses penghantaran penulisan artikel berindeks Scopus.
- 4) Menjalinkan hubungan smart



partnership dalam bidang akademik bersama pensyarah luar seperti pensyarah/penceramah dari Universiti Malaya.

Scopus) dan merupakan Pensyarah Universiti Malaya.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ust Ahmad Faiz Bin Hj. Ahmad Ubaidah yang merupakan Koordinator ACIS UiTM Kampus Rembau. Seramai hampir 40 orang peserta daripada ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan turut serta dalam bengkel ini.



Lantaran satu bengkel penulisan telah diadakan pada 20 Februari yang lalu di Bilik mesyuarat HEP, Kampus UiTM Seremban 3. Bengkel ini telah disampaikan oleh seorang penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang penulisan artikel berindeks Scopus. Beliau adalah **Prof Madya Dr Che Zarrina Binti Saári**. Beliau merupakan Ketua Editor Jurnal AFKAR (Indeks:



Semoga bengkel ini, mampu memberi input dan pengetahuan kepada para pensyarah di dalam menulis artikel berindeks Scopus.

